PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JULY 2017

Jangan layan agenda Mahathir

Um - 23/7/2017 Pg. 3

Oleh NURUL HUDA HASSAN
pengarang@utusan.com.my

KULAI 22 Julai – Semua ahli UMNO diingatkan supaya tidak terikut-ikut dengan agenda dan perancangan Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali gus tidak melayan kenyataan beliau terutama pada musim persidangan perwakilan UMNO bahagian.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, sejak akhir-akhir ini Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sering membuat kenyataan politik untuk mengelirukan rakyat.

Malah katanya, kenyataan Dr. Mahathir yang mendakwa akan memohon pengampunan diraja bagi membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari penjara sekiranya Pakatan Harapan diketuai DAP memenangi Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU-14) baru-baru ini turut disifatkan sebagai tidak masuk akal.

Menurutnya, memandangkan Dr. Mahathir pernah memimpin UMNO sebelum ini, jadi beliau tahu bagaimana mahu mengekploitasi keadaan.

"Jadi tiap-tiap hari akan ada kenyataan yang tidak masuk akal, orang yang dia suruh tangkap dahulu, orang yang dia kata tidak bermoral, orang yang dipinggirkan dari parti, sekarang sudah berubah pula pendiriannya.

"Saya percaya itu sebahagian daripada strategi beliau nak mencuba mengekploitasi dan hendak menimbulkan kekeliruan dan kemarahan ahli-ahli UMNO apabila kita bersidang di bahagian-bahagian. Tetapi setakat hari ini saya lihat (taktik) tidak berjaya," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kulai di Dewanraya Bandar Putra di sini hari ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan berkata, beliau khuatir pelbagai kenyataan dibuat Dr. Mahathir itu mempunyai agenda tersendiri dan bertujuan mengelirukan ahli-ahli parti.

Sementara itu dalam perkembangan lain, beliau berkata, sebahagian maklumat yang terkandung dalam manual pilihan raya yang sudah siap akan disalurkan kepada jentera pilihan raya melalui bengkel yang diadakan.

Tambahnya, manual itu buat masa ini masih belum boleh diedarkan kepada bahagian-bahagian dan hanya diberikan kepada presiden, naib presiden dan ketua-Ketua sayap, namun ada maklumat yang dikongsi bersama-sama UMNO bahagian.